

# Najib tahu rancangan Jho Low - Amhari

**SUWARNI MOKHTAR**

penarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 4 SEPT.**

**B**EKAS pegawai khas Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau percaya bekas Perdana Menteri itu mengetahui rancangan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho 'menampung' kerugian dan hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Malah, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin, 43, berkata, Ahli Parlimen Pekan itu yang memberikan mandat kepada Jho Low untuk berbuat demikian.

"Saya membuat kesimpulan tersebut kerana selepas menerima arahan daripada Najib, hampir serta-merta akan ada sulan daripada Jho Low tambahan pula saya hanya berurusan

dengan dua individu ini sahaja. Sebab itu saya membuat kesimpulan terbabit," katanya.

Tambahnya, Najib turut 'mengikut' kata Jho Low dalam pelantikan beberapa individu termasuk Terrence Geh yang merupakan koordinator dalam program penyelesaian hutang syarikat 1MDB dan anak syarikatnya, SRC International Sdn. Bhd.

"Jho Low merancang supaya Najib memberi peranan kepada Terrence Geh atau Heng sebagai koordinator program penyelesaian hutang 1MDB dan SRC International serta turut serta menghadiri mesyuarat berkaitan dengan syarikat daripada China. Jho Low yang suruh Najib lantik Heng," ujarnya.



**AMHARI EFENDI**

Terdahulu, Amhari Efendi memberitahu mahkamah bahawa Jho Low sebenarnya perancang utama dalam urusan syarikat 1MDB walaupun terdapat kenyataan yang menyatakan sebaliknya.

"Terdapat nota maklumat atau *talking point* yang disediakan Jho. Nota ini

membincangkan mengenai beberapa isu terkini berkaitan dengan 1MDB ketika itu antaranya isu mengenai siapakah Jho Low dan peranannya di dalam 1MDB.

"Dalam dokumen ini pada para tujuh ada menegaskan bahawa Jho Low tidak berperanan dalam 1MDB walaupun hakikatnya beliau merupakan perancang utama dalam urusan 1MDB secara sulit," katanya.